

## **POLISI PENGGUNA LUAR PERPUSTAKAAN IMAM AL-SYAFI'I**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Polisi ini diwujudkan bagi memberi peluang kepada warga luar daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) untuk berkongsi perkhidmatan yang sedia ada di Perpustakaan Imam Al-Syafi'i. Secara asasnya, terdapat dua kategori pengguna perpustakaan iaitu:

- 1.1 Keahlian pelajar dan kakitangan KUIS.
- 1.2 Keahlian luar Perpustakaan Imam Al-Syafi'i, KUIS.

### **2.0 KEAHLIAN LUAR PERPUSTAKAAN**

Polisi ini digunakan untuk pengguna bukan warga KUIS yang berhasrat menggunakan Perpustakaan Imam Al-Syafi'i. Hanya ada satu kategori pengguna luar yang dibenarkan iaitu keahlian luar harian

#### **2.1 KEAHLIAN LUAR HARIAN**

Bagi Keahlian Luar Harian, tiada caj dikenakan untuk memasuki perpustakaan. Walau bagaimanapun, mereka tidak dibenarkan untuk meminjam bahan bacaan perpustakaan.

### **3.0 SYARAT KEMASUKAN**

- Berumur 13 tahun dan ke atas.
- Keahlian Luar Harian perlu menunjukkan kad matrik/surat kebenaran dari organisasi masing-masing/surat permohonan untuk menggunakan perpustakaan.
- Semua pengguna Keahlian Luar Harian perlu mematuhi setiap peraturan yang telah digariskan oleh Perpustakaan Imam Al-Syafi'i.

### **4.0 PENGGUNAAN PERPUSTAKAAN**

- Hanya yang mendapat kebenaran dengan menunjukkan kad matrik/surat kebenaran dari organisasi masing-masing/surat permohonan untuk menggunakan perpustakaan boleh memasuki perpustakaan.
- Boleh menggunakan bahan bacaan yang terdapat di rak perpustakaan.
- Boleh menggunakan ruang bacaan umum.

- Boleh menggunakan kemudahan asas yang terdapat di Perpustakaan Imam Al-Syafi'i.
- Penggunaan komputer dibenarkan namun hanya terhad kepada akses bahan yang percuma sahaja.
- Semua pengguna Keahlian Luar Harian perlu mematuhi setiap peraturan yang telah digariskan oleh Perpustakaan Imam Al-Syafi'i. Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

## **5.0 PERATURAN UMUM**

- Perbuatan menyorok bahan Perpustakaan adalah satu kesalahan.
- pengguna Keahlian Luar Harian hanya dibenarkan membawa barangan peribadi, komputer riba dan bahan bacaan ke dalam Perpustakaan. Barang-barang lain hendaklah diletakkan di lokar yang disediakan di luar Perpustakaan atas tanggungjawab sendiri. Tidak dibenarkan membawa beg masuk.
- Kerusi, meja dan perabot Perpustakaan tidak boleh dipindahkan dari tempat asalnya.
- pengguna Keahlian Luar Harian yang didapati merosakkan mana-mana harta kepunyaan perpustakaan akan dikenakan tindakan yang sewajarnya.
- Telefon bimbit mesti ditutup atau dipasangkan kepada mod senyap ketika berada di dalam perpustakaan.
- Pengguna Keahlian Luar Harian tidak dibenarkan makan semasa berada di dalam perpustakaan.
- Pengguna Keahlian Luar Harian tidak dibenarkan membuat bising ketika berada di dalam perpustakaan.
- Pengguna Keahlian Luar Harian tidak dibenarkan membawa keluar apa-apa bahan perpustakaan.
- Pengguna Keahlian Luar Harian mesti mematuhi kod pakaian yang telah ditetapkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).